

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



## Menunjuk-nunjuk tingkat jumlah pusara di jalan raya

**P**eningkatan kadar kemalangan dan kematian yang direkodkan sepanjang Ops Selamat sempena musim perayaan Aidilfitri tahun ini berbanding tahun lalu jelas membuktikan kempen keselamatan jalan raya yang dilaksanakan selama ini masih tidak berkesan. Perkara ini diakui oleh pihak Kementerian Pengangkutan sendiri apabila Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Aziz Karipawi menzahirkan rasa sedih melihat angka kadar kematian akibat kemalangan kali ini terus meningkat dan membimbangkan.

Mengikut laporan kadar kematian akibat kemalangan kali ini meningkat lebih sekali ganda berbanding tahun lalu. Menurut Ketua Trafik Pasukan Bukit Aman, Datuk Mohd. Fuad Abdul Latiff sejumlah 20,257 kes kemalangan dan 155 kematian direkod di seluruh negara dalam tempoh tujuh hari Ops Selamat dilancarkan. Purata jumlah kematian maut kali ini pula lebih tinggi iaitu 22 orang sehari berbanding 13 kematian dalam tempoh sama tahun lalu. Rekod ini menunjukkan jalan raya terus menjadi pusara tidak bernama dan ancaman terbesar kepada pengguna jalan raya terutama ketika musim perayaan besar seperti Aidilfitri. Hakikatnya saban tahun pihak berkuasa dan agensi yang terbabit melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif baik dalam bentuk kempen mahupun penguatkuasaan untuk mendidik pengguna jalan raya di samping berharap dapat mengurangkan jumlah kemalangan terutama kemalangan maut. Namun tidak keterlaluan juga untuk kita rumuskan betapa segala usaha terbabit masih belum mampu mengubah situasi sebenar.

Ironinya kita masih tertanya-tanya di mana silapnya dan sampai bila perkara ini perlu berterusan. Kenapa seolah-olah kadar kemalangan dan kematian yang direkodkan ini langsung tidak boleh dikawal dan dikurangkan. Adakah sistem dan keadaan jalan raya kita yang salah dan kurang sesuai atau pengguna jalan raya yang semakin tidak berhemah, memandu secara terburu-buru dan membahayakan diri serta pengguna jalan raya yang lain. Walaupun rata-rata terus menuding jari dan menyalahkan sikap pengguna jalan raya sebagai punca utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan namun sampai bila kita mahu terus berselindung dan berdiam diri di sebalik alasan yang cukup klise seperti ini.

Kita perlu akui bahawa sikap adalah aspek yang amat sukar

untuk diubah dan dibentuk dalam sekelip mata kerana pada zahirnya sebatian dengan diri individu masing-masing. Sikap baran misalnya wujud sejak kita kecil lagi dan ia tidak boleh diubah begitu sahaja melalui kempen semata-mata. Begitu juga sikap pemandu yang lain seperti tidak bertanggungjawab, mementingkan diri sendiri, ingin menunjuk-nunjuk, memandu dengan laju melebihi had laju yang telah ditetapkan, berlagak seperti jaguh di atas jalan raya serta sikap tidak mahu mengalah dan bertolak ansur. Buatlah kajian sebanyak mana sekalipun inilah jawapannya.

Maka eloklah pihak berkuasa yang berkaitan menyemak dan menilai semula program pencegahan, kempen kesedaran serta langkah penguatkuasaan yang kita laksanakan selama ini. Misalnya andai kata keadaan permukaan dan fizikal jalan raya didapati uzur, rosak dan kurang sesuai serta membahayakan pengguna sehingga boleh menyebabkan kemalangan berlaku dengan mudah maka eloklah kita memperbaiki ataupun menaiktaraf jalan supaya memenuhi standard dan piawaian yang diperlukan. Kita memiliki begitu ramai pakar jalan raya di negara ini. Gunakanlah kepakaran mereka dengan sewajarnya supaya dapat membantu membetulkan apa yang tidak sesuai dan tidak betul. Untuk itu pihak kerajaan tanpa sebarang kompromi perlu menyediakan peruntukan khas yang mencukupi supaya segala cadangan dan nasihat dari pakar terbabit dapat dilaksanakan. Perlu diingat bilangan kenderaan semakin bertambah pada setiap tahun kerana kereta terutama sudah menjadi satu keperluan asas kepada setiap individu mahupun keluarga untuk segala urusan harian oleh itu eloklah aspek penyenggaraan dan penaiktarafan jalan terus diberi keutamaan pada sepanjang masa dan bukannya bermusim.

Dalam pada itu kempen keselamatan yang dilaksanakan juga perlu disemak dan dinilai semula. Sejauhmana kempen yang dilaksanakan memenuhi KPI yang ditetapkan?

Secara kesimpulannya semua pihak yang terbabit perlu ambil iktibar dengan peningkatan kadar kemalangan tahun ini seterusnya duduk semeja untuk menyemak dan menilai semula semua program dan kempen yang dilaksanakan. Buatlah sesuatu supaya jalan raya tidak terus menjadi pusara tidak bernama di negara ini.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM MALAYSIA**